

Penternak dakwa ikan sangkar diserang memerang, kerugian RM150,000

Oleh [Amir Hamzah Nordin](#) - Disember 8, 2024 @ 7:30am
bhnews@bh.com.my



Rakaman video CCTV menunjukkan memerang menceroboh sangkar ikan ternakan di sekitar Kampung Lada dan Jerantut Feri. - Foto ihsan penternak

JERANTUT: Penternak ikan sangkar di sekitar Kampung Lada dan Jerantut Feri, di sini, mendakwa bahawa ternakan mereka diserang memerang sehingga mengakibatkan kerugian kira-kira RM150,000.

Kumpulan memerang berdekatan Sungai Pahang dikatakan menceroboh dan merosakkan sangkar ternakan ikan patin serta tilapia untuk mencari makanan.

Seorang penternak di Kampung Lada, Azman Zainuddin, 54, mendakwa jaring sangkarnya ditebuk memerang sehingga menyebabkan kira-kira 20,000 ikan ternakan terlepas ke sungai dan juga dimakan haiwan itu.

"Minggu ini, empat sangkar yang ikannya dijadualkan boleh dijual dua bulan lagi kini kosong kerana semua ikan terlepas ke sungai sehingga saya kerugian kira-kira RM40,000.

"Jaring sangkar ditebuk dan dirosakkan oleh kira-kira 30 memerang yang dilihat mencerobohi kawasan ternakan ikan saya, berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang," katanya.

Azman berkata, beliau membelanjakan hampir RM35,000 untuk membeli jaring tebal dan kuat serta peralatan binaan sangkar baharu yang lebih teguh bagi menggantikan jaring lama yang kebanyakannya berlubang ditebuk memerang.

Penternak ikan sangkar di Kampung Jerantut Feri, Mohd Khairul Anuar Che Mahat, 39, berkata memerang dipercayai datang pada waktu malam ketika tiada orang berada di sekitar kawasan sangkar, sebelum menebuk jaring sangkar di bahagian bawah dan atas untuk makan ikan.

"Saya percaya haiwan terbabit datang dalam jumlah banyak berdasarkan sisa ikan seperti tulang yang ditinggalkan di atas 10 sangkar yang ditebuk.

"Selain itu, sebahagian ternakan dalam sangkar terbabit juga terlepas keluar ke sungai. Keadaan ini menyebabkan kami mengalami kerugian," katanya.

Susulan itu, katanya, beliau berharap ada pihak berwajib mengambil tindakan segera untuk menghindarkan ancaman memerang terbabit yang semakin banyak mencari makanan di kawasan sangkar dalam Sungai Pahang berikutan paras air sungai yang meningkat akibat musim tengkujuh.